



**MAJLIS DAERAH TAPAH**  
**PENGISIAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa kepada **WARGANEGARA MALAYSIA** dan keutamaan diberi kepada **RAKYAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN** yang berkelayakan dan **BERUMUR TIDAK KURANG 18 TAHUN** pada tarikh iklan ditutup untuk memenuhi jawatan kosong seperti berikut:-

<b>JAWATAN</b>	: <b>JURUUKUR BAHAN GRED J9</b>		
<b>KLASIFIKASI</b>	: <b>KEJURUTERAAN</b>		
<b>TARAF JAWATAN</b>	: <b>KONTRAK</b>		
<b>JUMLAH KEKOSONGAN</b>	: <b>1 KEKOSONGAN</b>		
<b>JADUAL GAJI</b>	<b>GRED J9</b> MINIMUM RM 2,250.00 MAKSIMUM RM 11,110.00		
	KENAIKAN TAHUNAN RM 225.00		
<b>SYARAT LANTIKAN</b>	<b>1.</b> Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:  a) warganegara Malaysia, dan  b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan  c) Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan  d) berdaftar sebagai Juruukur Bahan Siswazah dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.  (Gaji permulaan ialah pada Gred J9: RM2,690.00).		

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Juruukur Bahan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Juruukur Bahan Gred J9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a) status
  - (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Juruukur Bahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- b) Had umur pelantikan :
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**DESKRIPSI TUGAS**

Membuat kerja-kerja penilaian ukur bahan ke atas pelan-pelan untuk tawaran, kontrak, penilaian kontrak dan lain-lain tugas berkaitan.

## **CARA MEMOHON**

1. Pemohon hendaklah memohon secara talian dengan melayari laman web <https://digital.perak.my> mulai **18 Disember 2024 (Rabu)**.
2. Pemohon **TIDAK PERLU** mengemukakan sebarang salinan dokumen selepas mengisi secara **ATAS TALIAN (ONLINE)**. Pihak Majlis hanya akan menghubungi calon-calon yang layak untuk ditemuduga sahaja. Pemohon yang tidak menerima apaapa jawapan dalam masa (6) bulan selepas tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
3. Permohonan daripada kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terakhir dan hanya perlu dibawa semasa Sesi Temuduga.
4. Calon-calon yang layak dipanggil temuduga dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan dokumen yang telah disahkan seperti **Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil-Sijil Persekutuan/Akademik** yang telah disahkan dan lain-lain dokumen yang perlu dikemukakan.

## **PEMAKAIAN DI BAWAH SYARAT- SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN**

1. Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya samada dibatalkan, diganti atau dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.
2. Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

## **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

**Sebelum atau pada 31 Disember 2024**

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TAPAH**